

# KAEDAH MELUPUSKAN BAHAN TERBITAN ISLAM MENGIKUT SYARA'

Oleh :  
Unit Penapisan Media,  
Bahagian Penyelidikan,  
Jabatan Agama Islam Negeri Johor

## 1. DEFINISI

1. KAEDAH : 'cara atau teknik'
2. PELUPUSAN : 'perihal (perbuatan dsb) melupuskan (Kamus DBP)'. *Ia termasuklah mentiadakan atau memusnahkan bahan-bahan tersebut.*
3. BAHAN TERBITAN ISLAM : 'Al-Quran termasuk merangkumi kertas-kertas yang ditulis atau dicetak yang mengandungi ayat-ayat Al-Quran, nama-nama Allah s.w.t, zikir, hadis-hadis Nabi s.a.w, doa-doa dan seumpama dengannya'.
4. HUKUM SYARA' : 'sesuatu hukum yang berlandaskan dengan hukum Islam'.

## 2. TUJUAN

Tujuan melupuskan Al-Quran itu adalah untuk menghormati dan memelihara kesuciannya.

## 3. FAKTOR DILUPUSKAN

Antara faktor al-quran ini dilupuskan ialah bila berlakunya kerosakan.  
(slide)

1. Sudah berusia lama dan kertasnya mula rosak.
2. Basah akibat banjir

3. Terkena api.
4. Tidak disimpan ditempat yang baik dan rapi
5. Dimakan anai-anai
6. Dan lain-lain

#### **4. FATWA**

Memastikan bahan buangan dan lebihan yang mengandungi huruf atau ayat-ayat Al-Quran, Hadith, nama-nama Allah dan apa-apa petikan Al-Quran atau AL-Hadith yang hendaklah dilupuskan berasingan dengan bahan-bahan lain, serta bahan tersebut juga dilarang menggunakannya semula bagi apa-apa tujuan sekalipun. Ia bertepatan dengan apa yang telah difatwakan iaitu

***“Apa-apa bahan buangan yang di atasnya tercetak atau terdapat sesuatu ayat Al-Quran hendaklah dilupuskan dengan dibakar di satu tempat bertutup yang tidak dapat dimasuki oleh orang awam bersesuaian dengan kemuliaan Al-Quran, kemudian abunya dibuang ke dalam air yang mengalir seperti sungai atau laut atau ditanam di tempat yang tinggi yang tidak dilalui atau dipijak oleh manusia dan haiwan”.***

(Keputusan Lujna Fatwah Negeri Johor yang bersidang pada 18 Ogos 2002).

#### **5. SENARIO YANG BERLAKU HARI INI**

Dilupuskan dengan tidak berpandukan Fatwa :

1. Dibuang ke sungai
2. Dibuang di dalam longkang
3. Dibuang di dalam tong sampah

**“PERSOALANNYA : BAGAIMANA CARA DAN KAEDAH UNTUK MELUPUSKANNYA?”**

## **6. KAEDAH MELUPUSKAN BAHAN TERBITAN ISLAM MENGIKUT SYARA'**

1. Dibakar atau dimusnahkan
2. Abu dikumpulkan
3. Ditanam atau dilarutkan di sungai atau laut

### **HURAIAN :**

1. Bahan-bahan terbitan islam ini kita akan lupuskan bersandar pada fatwa mufti iaitu dengan cara membakarnya. Bagi kaedah pembakaran, bahan yang mengandungi ayat Al-Quran mesti dibakar hingga musnah keseluruhannya tanpa tertinggal mana-mana bahagian yang tidak terbakar. Perlaksanaannya perlulah ditempat yang tertutup hingga tidak dapat dilihat atau ditonton oleh orang awam bagi mengelak salah faham.
2. Bahan-bahan atau abu yang mengandungi ayat suci al-Quran yang telah dibakar, hendaklah dipastikan dikumpul, supaya tidak ditiup angin atau bersepah, seterusnya ditanam di tempat bersih yang tidak dilalui orang, atau dibuang ke laut atau sungai yang mengalir airnya.
3. Kerja-kerja pembakaran hendaklah dikawal selia oleh pegawai Jabatan Agama Islam tau pihak yang mahu melupuskan bahan-bahan tersebut

## **7. TANGGUNGJAWAB**

1. Unit Penapisan Media, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

## **8. PENUTUP**

1. Masyarakat boleh menghantar bahan-bahan terbitan Islam di Pejabat Kadi Daerah-Daerah atau pun di Ibu Pejabat Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

Disediakan oleh,  
Unit Penapisan Media,  
Bahagian Penyelidikan  
Jabatan Agama Islam Negeri Johor